

# Gerhana

Kosmo,  
1 Julai 09  
p. 46

# matahari 22 Julai

PADA 22 Julai ini, para saintis terutamanya pakar sains angkasa lepas mempersiapkan diri untuk menyaksikan salah satu keajaiban dunia. Jika kejadian ini terlepas, mereka hanya berpeluang untuk menyaksikannya semula pada tahun 2034 iaitu kira-kira 25 tahun kemudian di India.

Apa yang bakal disaksikan itu adalah fenomena gerhana matahari yang dijangka melalui beberapa kawasan tertentu di Asia seperti India, Nepal, Bangladesh, Bhutan, Myanmar dan China. Jurang masa yang dijangka paling lama untuk melihat gerhana itu dengan jelas bagi penduduk di Asia ialah enam minit 39 saat.

Bagi China, berita ini meniupkan kegembiraan yang paling istimewa kerana ia akan menyaksikan gerhana matahari yang paling lama dalam tempoh 500 tahun.

Sun Wei-hsin, seorang profesor dari Institut Graduat Astrofizik, Universiti Kebangsaan Taiwan berkata, salah satu daripada aktiviti yang paling dinanti-nantikan adalah melihat kejadian gerhana matahari penuh.

Di Taiwan, gerhana matahari yang terakhir dilihat adalah di bahagian utara bandar pelabuhan Keelung pada tahun 1941.